



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN BERMULA BERKIBAR DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN

PUTRAJAYA , 21 Januari 2018 - Seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan hari ini bersama-sama menjayakan Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan yang diadakan secara serentak di ketiga-tiga buah Wilayah Persekutuan. Semua warga Wilayah Persekutuan adalah digalakkan mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di lokasi-lokasi yang bersesuaian sebagai tanda sokongan dan semangat cintakan Wilayah Persekutuan.

YB Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan bersama-sama warga Putrajaya mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan di Dataran Putrajaya, Presint 3 pagi ini. Sebanyak lebih 17,000 bendera telah dipasang di Jalan Protokol, sekolah-sekolah serta di kawasan kediaman terutama di kuarters-kuarter Kerajaan di Putrajaya. Turut diadakan program Kayuhan Ceria dan Langkah Ceria @ Putrajaya pada hari ini.

Manakala di Kuala Lumpur, Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan diadakan bersekali KL Car Free Morning di Dataran DBKL bersama-sama warga kota. Sebanyak 39,000 bendera Wilayah Persekutuan telah dipasang di seluruh ibu kota termasuk di kawasan PPR dan juga Perumahan Awam DBKL. YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan turut menyerahkan bendera Wilayah Persekutuan kepada wakil-wakil NGO's dan Pusat Khidmat Masyarakat untuk bendera tersebut dikibarkan di parlimen masing-masing.

Di WP Labuan, YB Rozman bin Isli, Ahli Parlimen Labuan bersama-sama warga Labuan melancarkan Kempen Kibar Bendera di Dataran Labuan. Bertambah meriah apabila bendera Wilayah Persekutuan ini dikibarkan oleh pasukan konvoi motosikal ke sekitar Wilayah Persekutuan Labuan. Sebanyak 2,000 bendera telah dipasang di seluruh Wilayah Persekutuan Labuan. YB Rozman juga melancarkan pertandingan menghias bendera Wilayah Persekutuan di premis kerajaan, swasta, kenderaan dan juga rumah kediaman.

Tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan kali ini masih dikekalkan dengan tema '**Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera**'. Tema ini dilihat sangat memberi impak yang positif kepada semua warga Wilayah Persekutuan juga kepada pihak Kementerian dan agensi dalam menjaga dan memelihara Wilayah Persekutuan agar sentiasa ceria sekaligus dapat meningkatkan kesejahteraan warganya. Kesemua program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang akan dilaksanakan sepanjang bulan Februari ini meliputi seluruh lapisan umur masyarakat dari peringkat kanak-kanak, belia, dewasa, dan juga keluarga.

Disediakan Oleh :
Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan